

Drama Cinta Islamik dan Pengaruhnya Kepada Psikologi Cinta Remaja

Psychology of Love in Islamic Love Drama and Its Influences to Adolescents

Nur Aina Mohd Yaakop¹, Syaidatun Nazirah Abu Zahrin² & Fariza Md. Sham³

Terima	Wasit	Muat Naik e-Jurnal
6 JUN 2018	6 SEPTEMBER 2018	27 NOVEMBER 2018

ABSTRAK

Media elektronik seperti televisyen merupakan salah satu media yang berpengaruh sebagai ejen bagi saluran pendidikan, maklumat terkini, medium hiburan dan pembentuk ketamadunan Islam. Kebanyakan stesen televisyen tempatan semakin giat menerbitkan drama-drama Islamik yang berunsur cinta. Sambutan yang begitu menggalakkan daripada penonton pada masa ini telah membuka mata para penggiat seni seperti pengarah, penerbit dan penulis skrip drama berlumba-lumba menghasilkan drama sedemikian. Unsur-unsur cinta yang diterapkan dalam drama boleh memberi kesan kepada psikologi manusia. Aspek ini dikenali sebagai psikologi cinta. Psikologi cinta dalam drama telah dikenal pasti dapat memberi pengaruh kepada remaja melalui ciri-ciri nilai drama dakwah. Dengan itu, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji dengan lebih terperinci isi kandungan drama cinta berunsur Islamik dengan berasaskan konsep psikologi cinta. Kaedah penelitian ke atas tayangan-tayangan drama Islamik dan analisis kandungan skrip drama Islamik berasaskan novel terkenal yang diadaptasi menjadi drama telah digunakan dalam kajian ini. Dapatan kajian ini ialah telah dikenalpasti nilai-nilai drama dakwah yang mengikut tema akidah, syariah dan akhlak. Implikasi kajian ini adalah mendedahkan kepentingan nilai drama dakwah dalam menggarap psikologi cinta remaja.

Kata Kunci: *Psikologi Cinta, Drama Cinta Islamik, Pengaruh Drama, Remaja*

ABSTRACT

Electronic media such as television is one of the most influential media as an agent for education channels, latest information, entertainment medium and act as well as the formation of Islamic civilization. Most of the local television stations are actively publish Islamic love-drama. An overwhelming response from the audience nowadays has opened the eyes of filmmakers such as directors, publishers and drama scriptwriters to produce a love-based Islamic drama. Psychology of love in drama has been identified as the factors that affect teenagers mindset thru the moral value of drama. Hence, the objective of this study is to determine the contents of the Islamic love drama on Love Psychology from dakwah perspective. Research methods for Islamic drama shows and analysis of the content of Islamic drama scripts based on the famous novelist books have been used in this study. The findings of this study are to identify the factors that attract teenagers and their effects when they watch such a drama. The implication of this study is to find out the impact of socio-cultural drama and art in the Islamic drama and link its importance to adolescents.

Keywords: *Love Psychology, Islamic Love Drama, Influence drama, Teenager*

¹ Nur Aina Mohd Yaakop, Sarjana Peradaban Islam, Institut Islam Hadhari Universiti Kebangsaan Malaysia, aynayaakop1@gmail.com.

² Syaidatun Nazirah Abu Zahrin, Doktor Falsafah Psikologi (UKM), Pensyarah Kanan Pusat Citra Uni versiti, Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 Bangi Selangor, syaidatun@ukm.edu.my.

³ Fariza Md. Sham, Doktor Falsafah Akademi Islam (UM), Prof Madya, Fakulti Pengajian Islam dan Felo Institute Islam Hadhari, Universiti, Kebangsaan Malaysia 43600 Bangi Selangor, farisham@ukm.edu.my.

Pengenalan

Drama dihasilkan bukan hanya tertumpu kepada lakonan dan jalan cerita semata-mata. Drama juga dihasilkan sebagai pembentukan tamadun, budaya dan pendidikan kepada masyarakat. Oleh kerana itulah drama yang dihasilkan perlu seiring dengan pemikiran dan perkembangan semasa dalam masyarakat supaya matlamat untuk mendidik terutama golongan remaja tercapai. Seiring dengan zaman, banyak drama yang dihasilkan lebih tertumpu kepada drama-drama cinta yang berunsur Islamik (Syaidatun et al. 2014). Ini kerana drama sebegini sentiasa mendapat sambutan daripada pelbagai peringkat umur terutama remaja berdasarkan *rating* penonton yang dikategorikan oleh usia. Cinta adalah paling dekat di hati remaja berbanding golongan yang lebih berusia. Namun, jika drama ini dihasilkan hanya untuk mengaut keuntungan semata-mata, unsur-unsur tidak murni seperti aksi-aksi yang bertentangan dengan agama, budaya, adat dan kepercayaan sewenang-wenangnya dipertontonkan. Hal ini boleh memberi pengaruh yang negatif kepada remaja. Lambakan drama yang bercorakkan cinta Islamik pada masa ini dianggap sebagai satu *trend* kerana sambutan dan penerimaan yang luar biasa daripada penonton (Nabilah 2012). Ini membuatkan para penggiat seni seperti penulis skrip, pengarah, penerbit berlumba-lumba menghasilkan karya mereka bagi memenuhi permintaan penonton.

Pada tahun 2009, menjadi titik permulaan kepada kemuncak *trend* terbitkan drama bersiri cinta berunsur Islamik di Malaysia iaitu dengan kemunculan *Drama Nur Kasih* pada ketika itu. Stesen penyiaran Media Prima melalui siaran TV3 telah menyiarkan drama cinta yang berunsur Islamik (Nabilah 2012). *Drama Nur Kasih* yang pernah mendapat sambutan yang luar biasa bukan sahaja menarik minat remaja malah semua lapisan masyarakat. Hal ini kerana drama ini padat dengan plot cerita menarik yang berlatar belakang kehidupan seorang Muslim menjalani liku-liku kehidupan dalam mencari cinta namun mengikut syaria Islam.

Jadual 1: Analisis Siaran

Tarikh Siaran: 15 November 2009 hingga 21 November 2009

No.	Deskripsi	Saluran	Waktu Mula	Waktu Akhir	Genre	Audiens ('000s)
1	NUR KASIH	TV3	21:01:54	22:00:29	DRAMA	3,908
2	BULETIN UTAMA	TV3	19:59:52	21:01:03	BERITA	2,902
3	ANUG.SKRIN	TV3	21:03:47	22:29:18	DRAMA	2,762
4	BULETIN UTAMA	TV3	19:59:51	21:01:28	BERITA	2,746
5	BULETIN UTAMA	TV3	19:59:52	21:02:04	BERITA	2,730
6	BULETIN UTAMA	TV3	19:59:52	21:02:57	BERITA	2,715
7	BULETIN UTAMA	TV3	19:59:52	21:03:30	BERITA	2,706
8	BULETIN UTAMA	TV3	19:59:52	20:59:50	BERITA	2,667
9	SELINGAN	TV3	21:02:05	21:03:04	PELBAGAI	2,612
10	BULETIN UTAMA	TV3	19:59:52	21:00:03	BERITA	2,612
11	SERAM -JANGAN TEGUR LAGI	TV3	21:31:42	22:29:00	DRAMA	2,471
12	AKSI -BIO NIK	TV3	21:03:05	22:01:19	DRAMA	2,449
16	NUR KASIH (R)	TV3	19:27:06	19:58:19	DRAMA	1,942
17	BANG BANG BOOM	TV3	22:01:59	22:30:33	HIBURAN	1,915
18	NUR KASIH (R)	TV3	19:26:49	19:58:06	DRAMA	1,908
19	SELINGAN	TV3	21:03:31	21:04:30	PELBAGAI	1,894
20	MUZIK MUZIK S.AKHIR (L)	TV3	22:01:00	23:32:29	HIBURAN	1,881
21	NUR KASIH (R)	TV3	19:26:51	19:58:26	DRAMA	1,835
44	SAMARINDA -SURAYA	TV3	22:30:17	22:58:27	DRAMA	1,426
45	SELINGAN	TV3	23:58:40	23:59:51	PELBAGAI	1,416
46	IST.A'ADHA -RINDU BERTASBIH	TV3	22:02:20	23:52:51	DRAMA	1,415
55	NONA	TV3	14:02:09	15:03:10	WANITA	1,227
56	ATASHINCHI	TV3	19:30:08	19:54:42	KARTUN	1,226

Sumber: Bahagian Pengurusan Jenama Media Prima Berhad
Dikeluarkan pada: 23 November 2009.

Jadual 1 merupakan analisis siaran yang disiarkan di kaca televisyen yang dikeluarkan oleh Bahagian Pengurusan Jenama Media Prima Berhad pada 15 November sehingga 21 November 2009. Jadual memperlihatkan tangga kedudukan ataupun *rating* program yang telah diterbitkan oleh Media Prima pada tahun 2009 dengan lebih jelas. Setelah menganalisis dan membuat perincian terhadap program tersebut, penyelidik mendapati bahawa drama berunsur keislaman merupakan 46 rancangan yang mendapat *rating* tertinggi dalam kalangan 700 program televisyen yang disiarkan oleh semua stesen televisyen di Malaysia (Faizul dan Nor Azura 2013).

Berdasarkan Jadual 1, rancangan pada tangga kedudukan 1, 16, 18, 21 merupakan drama berbentuk keislaman berjudul *Nur Kasih*. Manakala drama pada kedudukan 46 merupakan drama berunsur keislaman yang berjudul *Rindu Bertasbih*. Drama *Nur Kasih* merupakan drama bersiri yang disiarkan sebanyak 26 episod di TV3. Drama ini merupakan drama berunsur keislaman yang paling berpengaruh dan mendapat *rating* paling tinggi dalam sejarah penyiaran drama televisyen terbitan produksi tempatan dengan *rating* tertinggi yang dicapai sebanyak 4.3 juta penonton. Merujuk pada Jadual 1, *rating* tertinggi yang dicapai oleh drama ini ialah pada tarikh siaran 15 November 2009 hingga 21 November 2010 dengan 3.9 juta penonton mengatasi program berita Buletin Utama dengan *rating* hanya 2.9 juta penonton. Drama *Nur Kasih* pada kedudukan 16, 18 dan 21 merupakan drama yang diulang tayang siarannya namun mendapat sambutan hangat iaitu *rating* tertinggi yang dicatatkan sebanyak 1.9 juta penonton pada siaran ulangannya. Drama berunsur Islamik iaitu drama *Rindu Bertasbih* pula berada pada kedudukan 46. Drama untuk siaran sempena Hari Raya Aidiladha ini masih mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penonton dengan *rating* sebanyak 1.4 juta penonton. Sambutan yang menggalakkan ini bukan sahaja datang daripada golongan umur pertengahan dan ke atas, ia juga mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penonton remaja (Faizul dan Nor Azura 2013).

Psikologi Cinta

Cinta menurut Kamus Dewan (2013) ialah ‘perasaan atau keinginan terhadap sesuatu, rindu’. Cinta adalah pertalian kasih sayang merangkumi aspek spiritual, emosi, fizikal, intelektual dan sosial antara individu yang terlibat, mereka saling menghargai nilai-nilai peribadi yang dimiliki dan memuliakan perhubungan yang wujud antara satu sama lain (Mohd & Syaidatun, 2010). Cinta adalah sebahagian daripada rahmat Allah SWT yang dikurniakan ke atas manusia. Perkataan *mawaddah wa rahmah* adalah merujuk kepada perhubungan yang berkasih sayang, saling memberi serta membalas kasih sayang tersebut akan hidup aman dan bahagia (Saedah Siraj 2011). Cinta adalah emosi universal yang menjadi asas kepada pembentukan keluarga (Braxton-Davis 2010). Di samping itu, cinta membawa maksud kepada saling berhubung, kunjung-mengunjungi dan ziarah-menziarahi. Dalam erti kata yang sebenar, cinta memelihara hubungan silaturahim sesama manusia. Hubungan silaturahim penting kerana ia berkait rapat dengan hubungan manusia dengan Allah SWT. Kecintaan yang sebenar adalah cinta yang lahir kerana merasai kebesaran Allah yang menciptakan cinta tersebut. Cinta kepada Allah bermula dengan amal dan manusia tidak dapat dikatakan mencintai Allah jika tidak mencapai syarat tersebut (Muhammad Hassan 2010). Sesungguhnya cinta yang seiring dengan keimanan dan ketakwaan adalah cinta kepada sesama manusia yang membawa kepada keredaan dan mendapat keberkatan dari Allah SWT (Mohd & Syaidatun 2010). Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sesungguhnya orang-orang mukmin adalah bersaudara kerana itu damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) dan bertaqwalah kepada Allah SWT. supaya kamu mendapat rahmat.”
(Surah Al-Hujurat 49:10).

Psikologi adalah hal yang berkaitan dengan kejiwaan, emosi, minda dan tingkahlaku manusia. Cinta adalah lahir dari jiwa manusia yang terlalu menyukai dan menyayangi sesuatu atau seseorang. Oleh itu, kedua-dua aspek ini sangat berhubung rapat kerana cinta boleh mempengaruhi psikologi manusia. Drama adalah seni yang memaparkan kisah hidup masyarakat sering membawa tema-tema yang berkaitan dengan cinta terutama cinta remaja kerana psikologi manusia mudah tersentuh dengan perkara seperti ini. Oleh itu, drama yang berunsurkan psikologi cinta mula memasukkan unsur-unsur Islamik agar lebih memberi kesan kepada penonton di samping cuba mengaplikasikan drama patuh syariah.

Drama Cinta Islamik

Penceritaan dalam bentuk drama telah lama digunakan dalam Islam. Contohnya, al-Quran mengisahkan cerita-cerita yang berlaku pada zaman dahulu boleh digambarkan cerita dalam bentuk drama (Najidah & Abu 2013). Drama cinta Islamik adalah instrumen dakwah untuk membina insan yang soleh dengan memaparkan mesej penceritaan dari segi nilai yang baik yang tercakup di dalamnya unsur-unsur al-bir (kebajikan) dan at-Taqwa (Aminudin et al. 2009). Wawarah Saidpudin (2018) Drama berkonsepkan Islamik untuk mendidik manusia kembali kepada jalan yang benar dan menyampaikan dakwah untuk kesan positif pada penonton. Hal ini kerana kandungan drama Islamik berorientasikan keindahan Islam, ketauhidan kepada Allah S.W.T, keimanan kepada agama Islam, kehidupan yang berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah dan sebagainya. Menurut Zulkiple (2009) beberapa usaha telah dibuat untuk memperkenalkan hiburan Islam sebagai satu alternatif. Oleh itu, kewujudan drama televisyen bermesej keislaman ini boleh dilihat sebagai satu langkah untuk membentuk hiburan yang menerapkan nilai-nilai murni serta mesej yang berciri keislaman (Faizul & Nor 2012). Drama cinta yang menerapkan unsur-unsur Islam mempunyai tema yang lebih luas, bukan sekadar cinta semasa manusia, tetapi merangkumi cinta kepada Allah SWT, Rasul, agama, haiwan dan alam semesta yang menepati konsep psikologi cinta daripada perspektif Islam.

Pengaruh Drama

Menurut Zulkiple Abd Ghani (2010) pengaruh drama sebagai produk budaya siber atau komunikasi, adalah produk hiburan masa kini serta sebagai produk pendidikan dan dakwah. Pengaruh ini mampu terjadi kerana drama merupakan salah satu daripada pembekal maklumat utama dan mempunyai pengaruh yang besar berikutan kedudukannya dalam membentuk agenda media iaitu mendidik, memaklumkan, menggalak, mempengaruhi dan menghiburkan. Keberadaan drama dalam menyediakan informasi ke arah memacu perubahan serta banyak membawa pengaruh pada pola kehidupan masyarakat kini (Sohana Abdul Hamid 2016). Drama adalah salah satu bentuk hiburan kepada masyarakat dalam berkongsi realiti dan fantasi antara kandungan drama dan kehidupan sebenar manusia. Secara tidak langsung, ia memberikan pengaruh yang besar dalam pengamalan hidup seharian kita (Wawarah Saidpudin 2017) sehingga menjadikan setiap bait dialog yang dilontarkan oleh pelakon adalah terjemahan kepada perbuahan seharian kita. Selain itu, budaya, pemakaian, prinsip, jalan cerita turut menjadi aspek penting yang mempengaruhi kehidupan harian peminat drama televisyen sama ada positif mahupun negatif. Dusuki (2011) berpendapat

bahawa filem dan drama merupakan elemen yang cukup berkesan dan berpengaruh dalam mencetuskan kesedaran dan keinsafan. Filem atau drama merupakan wahana yang penting untuk menyampaikan dakwah yang juga merupakan salah satu wadah dalam mempertahankan syiar Islam. Syed Zulkifli (2010) turut menyatakan bahawa filem dan drama merupakan medium yang penting dan perlu dikuasai oleh orang Islam. Penghasilan produk filem dan drama yang baik serta penerapan nilai-nilai Islam di dalamnya mampu mempengaruhi tingkahlaku dan menarik minat serta memberi kesan yang positif kepada penonton. Norfaizah dan Zulkifli (2017) Drama mampu memaparkan budaya-budaya yang terdapat dalam sesuatu masyarakat. Kesemuanya itu menyerlahkan lagi pelbagai nilai kemanusiaan, keragaman nilai masyarakat yang memperlihatkan dua segi nilai kehidupan iaitu murni dan cemar, bersih dan kotor, kemanusiaan dan kehaiwanan yang sekali gus menunjukkan sikap individu, kelompok insan itu sendiri.

Remaja

Remaja didefinisikan sebagai masa peralihan dari peringkat kanak-kanak ke peringkat dewasa. Batasan usia remaja berbeza-beza sesuai dengan sosial budaya setempat. Menurut WHO (*World Health Organization*) yang merupakan badan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk kesihatan sedunia, batasan usia remaja adalah 12 hingga 24 tahun. Namun, dari segi program pelayanan, definisi remaja digunakan oleh Jabatan kesihatan adalah mereka yang berusia 10 hingga 19 tahun dan yang masih belum berkahwin. Sementara itu, menurut BKKBN (Badan Koordinasi Keluarga Berencana Nasional) yang merupakan Direktorat Remaja dan Perlindungan Hak Reproduksi) Indonesia, batasan usia remaja adalah 10 hingga 21 tahun. Remaja juga mengalami perubahan emosional yang kemudiannya tercermin dalam sikap dan tingkah laku (Faizul dan Nor 2012). Manakala Arieff dan Wardah (2005) menyatakan bahawa dari segi biologi dan pertumbuhan fizikal remaja terbahagi kepada dua peringkat iaitu peringkat awal remaja yang berumur 13 hingga 18 tahun dan remaja yang berumur 19 hingga 24 tahun. Walau bagaimanapun, perkembangan remaja ini adalah bergantung kepada faktor persekitaran yang dialami oleh remaja sama ada mereka dibesarkan di luar bandar ataupun bandar. Sasaran kajian ini merangkumi pelajar bandar dan luar bandar di Malaysia.

Metodologi Kajian

Kaedah kajian yang digunakan ialah kajian berbentuk kualitatif dengan menggunakan pendekatan analisa dokumen sekunder dan primer. Sumber primer bagi kajian ini merangkumi analisa dari ayat al-Quran dan juga hadis yang sahih. Manakala sumber sekunder yang menjadi rujukan ialah penganalisan skrip dan isi kandungan drama cinta Islamik yang diadaptasi daripada novel Islamik terkenal. Sebanyak tiga buah drama Islamik yang telah dipilih iaitu, Cinta Ilahi terbitan TV3, Aku Ada Wali terbitan TV al-Hijrah, dan juga drama Lara Hati terbitan TV 9.

Dapatan Kajian

Setelah menganalisa beberapa buah drama cinta Islamik, berikut merupakan dapatan kajian yang telah dianalisis kepada beberapa buah tema.

1) Aspek Akidah

Akidah dari sudut bahasa berasal daripada Bahasa Arab iaitu ikatan, kata putus, tetap, percaya, kukuh, pegangan, melekat dan keyakinan.¹⁰⁶ Dari sudut istilah pula, akidah ialah perkara-perkara yang wajib diyakini dengan hati, jiwa menjadi tenang dengannya sehingga terjadi keyakinan yang utuh yang tidak bercampur dengan keraguan dan kesangsian (Che Zarina et al. 2006).

Akidah sangat penting dalam kehidupan manusia kerana akidah merupakan akar dan tunjang kepada kehidupan manusia dalam memastikan manusia hidup dalam penuh ketaqwaan kepada Allah S.W.T. dan mendapat keredhaan daripada Allah S.W.T. Tanpa akidah Islam manusia tidak dikira muslim dan tanpa akidah yang kukuh juga manusia sangat mudah terpesong dengan godaan syaitan dan bisikan hawa nafsu yang selamanya menjadi musuh ketat manusia. Sepertimana firman Allah S.W.T

انْشَ عَلَىٰ هٰذِهِ رَبِّ سَسَا نَمَّ مَا يَخَّ نَوْضِرُو لَلَّا نَمَّ يَوْقُ عَلَىٰ هٰذِهِ رَبِّ سَسَا نَمَّ نَمَّا
يَنْحَلْظَلَّا هُوَقْلًا يِدَهِي لَ لَلَّوْ ۖ مِّنْ هٰج رَانَ فِ هٰ رَاهِنَا رَاه فَرَج ۙ ۱۰۹

Maksudnya: “Maka apakah orang-orang yang mendirikan masjidnya di atas dasar taqwa kepada Allah dan keredhaan- (Nya) itu yang baik, ataukah orang-orang yang mendirikan bangunannya di tepi jurang yang runtuh, lalu bangunannya itu jatuh bersama-sama dengan dia ke dalam neraka Jahannam. Dan Allah tidak memberikan petunjuk kepada orang-orang yang zalim.”

(at-Taubah (9) : 109)

Redha Dengan Ketentuan Allah SWT

Meredhai segala apa yang ditakdirkan oleh Allah S.W.T. adalah merupakan sifat yang wajib ada pada semua manusia kerana tanpa sifat redha manusia akan mempertikaikan segala apa yang terjadi dan berlaku ke atas diri mereka khususnya apabila berlaku perkara buruk. Ujian yang menimpa diri sangat berat dan adalah menjadi kewajiban untuk manusia redha dan berdoa kepada Allah S.W.T. meminta pertolongan. Untuk melahirkan sifat redha yang tinggi dalam diri manusia perlu kepada tingkat iman dan taqwa tinggi dan mantap. Tanpa iman dan taqwa yang mantap susah untuk manusia menerima sesuatu kenyataan buruk yang berlaku ke atas dirinya. Kerana tanpa sifat redha dalam diri juga boleh menyebabkan manusia menjadi gila dan putus asa terhadap Allah S.W.T. Maka sifat redha perlu di pupuk dalam diri setiap individu muslim supaya ia menjadi sifat penting dan utama dalam diri manusia. Hamba yang disayangi Allah S.W.T. ialah hamba yang selalu ditimpa atasnya ujian supaya dia sentiasa mengingati Allah S.W.T. dan tidak mudah terleka. (Nabila 2012).

Dalam ketiga-tiga drama ini terdapat banyak dialog yang menyatakan tentang keredhaan dengan ujian Allah S.W.T. walau sehebat mana ujian itu. Konsep sifat redha telah ditanam dalam diri watak-watak yang berperanan dalam drama ini. Masyarakat yang menonton harus mengambil contoh akan ketinggian sifat redha yang wujud di kalangan watak dalam drama ini. Antara contoh sifat redha tersebut ialah:

Cinta Ilahi (TV3)

- Mak Ani: Kenapa? Tak reti nak pilih ke? Orang kata yang gelap tu lagi sedap. (menyapa seorang lelaki di dalam kedai)
- Ustaz Hasyim: Ani? Rohani? Hasyim (sapaan lelaki tadi sambal memperkenalkan diri)
- Mak Ani: Ya Allah! Abang Hasyim?
- Ustaz Hasyim: Ya Ani.
- Mak Ani: Maaf la bang...tak perasan. Abang dah berjubah lebai macam ni. Abang buat apa kat sini?
- Ustaz Hasyim: Abang dah pencen. Abang kerja Jabatan Agama Islam. Pencen awal balik lah rehat kampung ni balik.
- Mak Ani: Abang duduk kat rumah...?
- Ustaz Hasyim: Ya... masih duduk di rumah arwah ayah tu. Ahhh... Alias macam mana Ani?
- Mak Ani: Dia dah tak ada dah bang. Dah lima tahun pun.
- Ustaz Hasyim: *Innalillahi wa innalillahi rajiun...* abang mintak maaf Ani. Abang tak tahu.
- Mak Ani: Tak apa bang. Saya dengan anak saya pun dah redha. Dia tak sakit apa-apa bang. Cuma satu pagi tu saya nak kejutkan dia subuh. Tengok-tengok dah tak ada dah.

Aku Ada Wali (TV al-Hijrah)

- Syu: Assalamualaikum
- Mak syu: Waalaikumsalam
- Syu: mak,syu dah nak berlepas dah ni. Mak redhai syu ya?
- Mak syu: mak dah redhakan syu sebelum syu lahir,dan sampai bila2
- Syu: terima kasih mak
- Mak syu: 4 tahun syu di korea. Syu perlu galas amanah mak. Belajar betul2. Jaga akhlak diri. Jaga Allah dalam hidup.
- Syu: Terima kasih mak. Syu sayang mak. Dan syu tak sabar nak balik tak lama lagi, nak jenguk mak, nak peluk mak.mak, syu dah kena pergi dah. Nak berlepas tak lama lagi. Assalamualaikum.
- Mak syu: Waalaikumsalam.

Lara Hati (TV 9)

- Nenek: Mak teringin nak cakap sikit dengan kamu. Tak ada ke terdetik dalam hati kamu nak cari pengganti suami yang baru. Demi allah demi rasul, walaupun kau menantu, tapi mak dapat macam anak mak sendiri. Andai kata allah memberi kamu seorang lelaki yang baik budi pekertinya, kau terimalah. Baik untuk kamu, baiklah untuk emak. Lagi satu, boleh tak kalau kamu cari je la kerja yang lain. Kerja jual2 untungnya tak seberapa kan? Tapi tu la, kamu jadi bahan fitnah orang, kamu dikata orang, mak rasa tak sedap hati nak. Cari kerja yang lain ya?

sebagai seorang Muslimah yang berpakaian menutup aurat, mempunyai penampilan yang

lemah lembut dan juga tegas. Hal ini merupakan perkara yang dituntut dalam Islam. Seorang wanita Muslim perlu menutup auratnya dengan dari kepala sehingga ke hujung kaki kecuali muka dan tapak tangan. Watak Mariam di dalam drama ini juga perlu dicontohi oleh masyarakat khususnya wanita yang mana perlu mempunyai penampilan yang lemah lembut tetapi tegas di dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan larangan syariah Islam. Antara contoh dialog dalam ketiga-tiga drama tersebut ialah:

Aku Ada Wali

Syu cubit syifa

Naim: Syumaila?

Shakir: Syu

Naim: Sedapnya nama syumaila, mai la mai la dia panggil tu mai2

Shakir: Mai mai mai sini

Naim: Dah mai dah ni

Syu buat taktahu

Naim: Takde, macam ni, ni kawan saya nama dia shakir

Shakir: Sha jugak

Naim: Ha dekat dah tu. Ni naim. Apa khabar?

Naim menghulurkan tangannya

Syu: Maaf tapi saya tak bersalam dengan lelaki

Cinta Ilahi

Situasi para jemaah selesai menunaikan solat fardu Asar di sebuah surau yang berada di kampung.

Mariam: Abah nak balik dah?

Ustaz Ye!

Hasyim:

Hud: Ini anak Ustaz?

Ustaz (Ustaz Hasyim hanya menganggukkan kepala bagi

Hasyim: menjawab soalan Hud tadi)

Hud: Adoi mak... bakal jadi bakal mentua aku ni... (Hud bermonolog sendiri)

Ustaz Sape nama tadi... anak (sambal menunjuk ke arah Hud)?

Hasyim: Pakcik lupa tanya.

Hud: Hud bin Ilyas

Ustaz Ilyas? Hah tak apalah... ustaz balik dulu ye...

Hasyim: *Assalamualaikum...* (sambal menghulukan tangan kepada Hud untu bersalaman)

Hud: *Wa'alaikumussalam...* (sambal menyambut salam daripada Ustaz Hasyim dan Hud juga menghulurkan tangan kepada Mariam untuk bersalaman tetapi dihalang oleh Ustaz Hasyim.

Ustaz Bukan mahram. Tak boleh.

Hasyim:

Hud: Maafkan saya ustaz. Saya tak tahu.

Lara Hati

Mail pergi ke meja linda nak ingin memasukkan surat ke dalam bag linda

Linda: Mail!! Apa kau buat dekat meja dengan bag aku tu?

Mail: Aku nak bagi surat. Aku nak kau tahu isi hati aku dekat kau.

Linda: Mail kita kan belajar lagi tak payah sibuk2 nak bercinta la. Tumpukan sahaja pada pelajaran.

Mail: Linda aku nak kau tahu isi hati aku. Nah la ambil surat aku.

Mail menarik tangan linda

Linda: Apa ni? Kau pegang tangan aku ni?

Mail: Ambil la.

Mail tetap menarik tangan linda

Mas membawa cikgu ke kelas untuk menunjukkan apa yang mail lakukan

Cikgu: Ismail nordin!!

3) Aspek Akhlak

Akhlak merupakan sesuatu yang amat penting kerana peranannya yang besar dalam mengatur semua tingkahlaku manusia. Mungkin kita boleh katakan bahawa semua tingkah laku manusia adalah selari dengan nilai atau sifat yang sehati di dalam diri. Tepat sekali kata-kata Imam al-Ghazali di dalam kitabnya *Ihya' Ulum Ad-Din*: "Setiap sifat yang tersemat di dalam hati akan tercerna kesannya pada anggota badan malah anggota ini sudah tentu akan hanya bergerak menurut sifat ini." Jadi semua tingkah laku manusia berkait rapat dengan nilai dan sifat yang ada dalam diri seseorang. Ibarat pokok yang akarnya di dalam bumi. Ini bermakna, tingkah laku yang baik bergantung kepada akhlak yang baik sama seperti pokok yang bergantung kepada akarnya. Jika baik akarnya maka baiklah pokok itu, dan jika rosak akarnya maka rosaklah pokok itu. (Abdul Karim Zaidan 2002).

Bersyukur Dengan Nikmat Yang Diberi

Sentiasa bersyukur Bersyukur kepada Allah S.W.T. merupakan sebuah penyaksian terhadap nikmat dan kurniaan Allah S.W.T. kepada manusia dan tanda sanjungan dan kecintaan manusia kepada pemberi nikmat dan penciptanya. Rasa syukur terbukti apabila manusia menggunakan nikmat yang diberikan oleh Allah S.W.T. kepada sesuatu yang bermanfaat bagi diri sendiri dan juga orang lain. Kesihatan, harta, kejayaan, anakanak, kebahagiaan, pancaindera dan segalanya dari sekecil-kecil perkara sehingga ke sebesar-besar perkara merupakan nikmat Allah S.W.T. yang perlu disyukuri dan digunakan dengan cara yang berfaedah. Allah S.W.T. telah berfirman:

م م ك ج ر خ أ ل ل أ و ر ص ب ل أ و ع م س ل أ م ك ل ل ع ج و ا ي ش ن و م ل ع ن ل م ك ن ه م أ
ن و ط ب ن

نوركش، ملك لعل قدفل أو ٧٨

Maksudnya: "Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibumu dalam keadaan tidak mengetahui sesuatupun, dan Dia memberi kamu pendengaran, penglihatan dan hati, agar kamu bersyukur.

(al-Nahl (16) : 78)

Allah S.W.T. tidak memperolehi sebarang manfaat daripada kesyukuran tersebut dan tidak pula mendapat mudharat jika manusia tidak bersyukur. Sebaliknya faedah dan manfaat bersyukur itu akan kembali kepada manusia begitu juga jika manusia tidak bersyukur

kerugian adalah ditanggung oleh manusia sendiri. Antara dialog-dialog yang diketengahkan dalam tiga drama ini ialah:

Cinta Ilahi

Pak Majid: Macamana Sin balik ke kampung? Seronok?

Hussin: Seronok bang, orang pencen tentu rasa seronok, lagipun anak-anak saya tu belajar di UIA, saya balik kampung pun mudahkan diorang nak balik kampung.

Pal Majid: macamna keadaan diorang sekarang? yelah lama sangat tak jumpa, aku rasa kali terakhir jumpa masa aku datang ke rumah kau masa aku ada kursus dulu, terserempak dah besar-besar agaknya ye?

Hussin: Alhamdulillah, bang, semua dah besar dah pun, eh masa cuti semester nanti, saya ingat nak minta diorang bantu saya kat surau ni.

Pak Majid: baguslah boleh tolong ajar budak-budak ni mengaji. Dulu ada ustazah mengajar tapi ustazah tu kejab datang, kejab tak datang, lepas tu tak datang langsung.

Hussin: kalau Maryam dengar ni tentu dia suka.

Pak Majid: Bagus Sin Maryam tu banyak ikut perangai kau, perangai dakwah.

Hussin: Alhamdulillah, syukur bang, saya tak pernah paksapun dia yang suka.

Aku Ada Wali

-Suasana di pasar-

Syu berkata dalam hati

Syu: Sesungguhnya datang kepada kamu seorang rasul daripada kalangan kamu sendiri iaitu nabi Muhammad yang menjadi berat kepadanya sebarang kesusahan. Yang ditanggung oleh kamu yang inginkan kebaikan bagi kamu. Dan ia pula menumpahkan perasaan belas kasihan serta kasih sayangnya kepada orang yang beriman. Kemudian jika mereka berpaling ingkar, maka katakanlah “wahai Muhammad, cukuplah bagiku allah yang menolong dan memelihara. Tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Dia. Kepadanya aku berserah diri, dan Dia lah yang mempunyai arash yang tinggi.” Surah at-taubah, ayat 128-129. Ya allah, jadikan keluasan rezeki-Mu keatas ku semasa usia tuaku, dan semasa saat kematianku.

Lara hati

Linda sedang duduk di meja belajar sambil memikirkan duit yurannya

Rahimah: Linda, linda.

Rahimah: masuk ke bilik linda

Rahimah: Linda, ni tadi ada orang beli barang mak. Walaupun tak banyak, cukup la untuk bayar yuran spm tu ya. Nah ambil ni. Esok bagi pada cikgu, bakinya linda simpan.

Linda: Betul ni mak?

Rahimah: Betul, buat duit belanja.

Linda: Betul ni?

Rahimah: Iya.

Linda: Alhamdulillah.syukur Terima kasih mak.

Walaupun contoh dialog di atas pendek, namun cukup untuk menerangkan kepada penonton bahawa ketiga-tiga watak dalam drama tersebut merasa sangat bersyukur atas nikmat yang mereka perolehi. Ini bertepatan dengan kehendak Islam iaitu apabila seseorang manusia itu bersyukur maka haruslah dia lebih berusaha mencapai sesuatu kebaikan sebagai bukti

kesyukurannya dan bukannya duduk di takuk yang sama menanti sesuatu yang baik datang sekali lagi.

Penutup

Drama cinta Islamik boleh mempengaruhi psikologi cinta manusia kerana ia bukan tetapi untuk mendapatkan hiburan. Pengaruh remaja terhadap drama jenis ini adalah disebabkan oleh mesej yang dipaparkan dalam drama ini amat dekat dengan jiwa remaja. Drama cinta Islamik adalah bersifat positif serta mampu membentuk banyak pengajaran yang boleh diikuti oleh para penonton. Penerimaan yang baik ini juga adalah disebabkan drama jenis ini dilihat lebih dekat dengan masyarakat kerana setiap cerita yang dipaparkan dalam drama ini merupakan kisah-kisah yang benar dan mencerminkan cara kehidupan masyarakat yang menontonnya. Drama televisyen bermesej keislaman ini memaparkan kisah kehidupan yang mempunyai unsur keislaman, dakwah dan apa sahaja unsur yang berkaitan dengan Islam. Drama tv bermesej keislaman ini juga sesuai untuk ditonton oleh remaja kerana ianya sarat dengan pengajaran dan mesej cinta yang sejagat tanpa mengira budaya, latar belakang kehidupan dan sebagainya. Drama ini juga sememangnya menjadi sebuah drama yang mampu untuk mendidik masyarakat ke arah kebaikan dan dalam masa yang sama sebagai satu medium hiburan untuk masyarakat.

Rujukan

Buku

Abdul Karim Zaidan. 2002. *Islam Dan Dakwah*. Solehan Ayub (terj.). Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.

Arieff Salleh Rosman, Wardah Mokhtar. 2005. *Membentuk Jati Diri Remaja*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors.

Mohd Fadzilah Kamsah & Syaidatun Nazirah Abu Zahrin. 2010. *Psikologi Cinta*. Bentong: PTS Millenia.

Muhammad Hassan Basri. 2010. *Andai Syurga dan Neraka Tidak Ada*. Batu Caves: PTS Millenia Sdn. Bhd.

Saedah Siraj. 2001. *Pendidkan Rumahtangga*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Zulkiple Abd Ghani. 2010. *Dakwah Dalam Era Siber Di Malaysia*. Cet. 1, Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

Jurnal

Aminudin Basir @ Ahmad, Mohamad Sabri Haron & Nik Yusri Musa 2009. *Kebebasan Media Komunikasi Menurut Perspektif Islam*. Jurnal Hadhari, 1(2): 65-82.

Braton-Davis. 2010. *The Social Psychology of Love and Attraction*. McNair Scholars Journal. Volume 14, p. 2.

Che Zarina Sa'ari & Joni Tamkin Borhan. 2006. *Peranan Wanita Dalam Pengukuhan Akidah Umat Islam*. Jurnal Usuluddin, Bil 23-24.

Faizul Nizar Anuar & Nor Azura Adzharuddin. 2013. *Faktor penerimaan remaja terhadap drama televisyen bermesej keislaman*. *Global Media Journal – Malaysian Edition*. 20-35. *Islamiyyat*. 22: 79- 89.

Najidah Zakariya & Abu Dardaa Mohamad. 2013. *Media sebagai Wasilah Dakwah*. *Jurnal Al- Hikmah*, 5, PP. 91-98.

Norfaizah Ghazali Zulkifli Mohamad *Jurnal Kesidang Journal Of Kesidang Volume 2 2017: 1-17 1. Pengaruh Budaya Dalam Drama Bisikan Malaya*. Kuala Lumpur: Universiti Putra Malaysia.

Sohana Abdul Hamid. 2016. *Pengaruh Media Massa Terhadap Perubahan Sosial Masyarakat* (Mass Media Effect On Changes In Social Community) Special Issue 1 (October 2016) 214-226, ISSN: 1823-884x.

Syaidatun Nazirah Abu Zahrin, Rezki Perdani Sawai, Mohd Sharul Faizie Zaini & Allawati Kasri. 2014. Pendekatan Dakwah Melalui 'Konsep Cinta Muslim' dalam Menangani Masalah Sosial *Jurnal al-Hikmah*, Vol. 6,

Wawarah Saidpudin. 2018. *Seni Drama Islamik: Sifat Pengarah Dan Proses Kepengarahan*. Jabatan Bahasa Inggeris & Komunikasi, Fakulti Pengurusan dan Muamalah. Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Proceeding of the 5th International Conference on Management and Muamalah 2018 (ICoMM 2018) e-ISBN: 978-967-2122-XX-X.

Zulkiple Abd Ghani. 2001. *Komunikasi Islam Sebagai Komunikasi Alternatif*. *Jurnal Islamiyyat*. 22: 79- 89.

Zulkiple Hadhari. 2009. *Entertainment In Muslim Media: Unsettled Problem?*. *Jurnal Hadhari Bil. (2)* 53-63.

Kamus

Kamus Dewan edisi keempat. 2013. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tesis

Nabilah Binti Mohd Razif. 2012. *Unsur-unsur Islam yang dimuatkan di dalam drama bersiri Nur Kasih*. Tesis Sarjana, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur :Universiti Malaya.

Internet

Syed Zulkifli Syed Zakaria. 2010. Buat Filem Juga Dakwah. Diakses daripada http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0622&pub=utusan_malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_04.htm&arc=hive [4 September 2015].